

Keputusan MT UMNO tanda parti dengar pandangan ahli

UM - 5 SEP 2007

KUALA LUMPUR 4 Sept. — Keputusan Majlis Tertinggi (MT) UMNO menyerahkan kepada Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri mengambil alih pengurusan UMNO bahagian yang ketuanya didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin merupakan tanda positif dan menunjukkan parti itu turut mengambil kira pandangan anggotanya.

Bekas Ketua UMNO bahagian Baling Datuk Zainol Mohd. Isa berkata, banyak pihak termasuk anggota parti di peringkat bawahan menyuarakan pandangan terhadap keputusan Lembaga Disiplin melucutkan jawatan mereka yang menang pada pemilihan peringkat bahagian, April lepas.

Katanya, anggota UMNO perlu menerima dan menghormati keputusan MT itu.

“Suara orang ramai adalah lebih penting, jadi saya harap semua pihak khususnya masyarakat Baling sendiri menerima keputusan Majlis Tertinggi,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat MT mengemukakan keputusan itu, sekaligus membatalkan serta-merta keputusan sebelum ini melantik calon yang tewas secara automatik untuk mengambil alih jawatan ketua bahagian.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri terbabit akan menguruskan bahagian berkenaan sehingga rayuan daripada pihak yang didapati bersalah itu diputuskan.

Zainol berkata, beliau turut melihat keputusan MT semalam sebagai mendengar pendapat ramai yang akan membawa kekuatan kepada UMNO.

“Langkah ini diharap akan betul-betul menyokongkan UMNO, terutamanya bagi berdepan dengan pilihan raya umum akan datang,” katanya.

Beliau telah menyerahkan surat rayuan kepada MT setelah Lembaga Disiplin pada 21 Mei lepas mendapati beliau melanggar etika parti dan terlibat dengan amalan politik serta salah guna kuasa.

Rayuan

“Terpulang kepada sekretariat itu (sekretariat bebas mengkaji rayuan) dan MT untuk memutuskan rayuan saya,” katanya.

Zainol memenangi jawatan Ketua UMNO Bahagian Baling setelah memperoleh 262 undi menewaskan penyandangannya Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman yang mendapat 155 undi.

Sementara itu bekas ketua bahagian Muar, Datuk Abdullah Omar yang turut dilucutkan jawatannya, menyambut baik keputusan MT itu dan menganggapnya sebagai petanda positif.

“Eloklah tu...,” katanya yang juga Timbalan Pengerusi Eksekutif KFC Holdings (Malaysia) Bhd.

Beliau juga berkata, UMNO merupakan parti keluarga dan sebarang salah faham dalam keluarga perlu ditelesaikan dan dimaafkan.

Katanya, keputusan parti sebelum

ini melucutkan jawatannya sebagai ketua bahagian perlu diterima, tetapi tidak sampai sehingga keluar parti.

Abdullah pernah mengumumkan akan bertindak keluar daripada UMNO jika rayuannya tidak diterima oleh MT.

Sebelum ini 32 pemimpin UMNO termasuk seorang anggota MT dan tujuh ketua bahagian di dapati bersalah oleh Lembaga Disiplin parti kerana terbabit dengan amalan politik wang dan salah guna kuasa ketika pemilihan peringkat bahagian.

Selain Zainol dan Abdullah, ketua bahagian lain yang dilucutkan jawatan itu ialah Datuk Abdul Azim Mohd. Zaidi (Bukit Bintang), Kamaruddin Mohd. Nor (Pasir Puteh), Mustafa Kamal Mohd. Nawi (Gopeng) dan Datuk Yahaya Lampong (Tanjung Aru).

Seorang lagi ketua bahagian, Abdul Malek Munip yang menggantikan Abdullah sebagai Ketua Bahagian Muar, kemudiannya turut didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin.

Zainol, Mustafa Kamal, Abdullah dan Malek digantung hak untuk memilih, dipilih dan dilantik ke sebarang jawatan di semua peringkat sehingga 2007 manakala Abdul Azim, Kamaruddin dan Yahaya turut dikenakan hukuman serupa tetapi hanya bagi tempoh tiga tahun.